




Fakta mengenai pilihanraya kecil DUN Ijok
Malaysiakini.com
April 19, 2007

Latarbelakang calon Barisan Nasional (BN) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR), peratusan pengundi dan daerah mengundi. Berikut adalah fakta-fakta yang anda perlu tahu mengenai pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok.

Ijok by-election The candidates	
K Parthiban 	Khalid Ibrahim 
Umur 38, dilahirkan di Kuala Selangor	Umur 61, dilahirkan di Kuala Selangor
Pendidikan Belajar di Sekolah Menengah Batang Berjuntai dan meneruskan pengajian di Maktab Latihan Perguruan Seri Kota. Lulus Ijazah Sains dan Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Malaya.	Pendidikan Belajar di Sekolah Melayu Jeram, Kuala Selangor dan Sekolah Inggeris Kampung Kuantan. Lulusan ekonomi dari Universiti Malaya dan ijazah sarjana dalam pentadbiran peniagaan (MBA) dari Universiti Queensland, Australia. Menjadi pensyarah sebelum melangkah ke dunia korporat.
Pernah mengajar di Tanjung Karang dan Kuala Selangor sebelum menjadi pegawai ko-akademik pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor.	1979 - 1994 Ketua pegawai eksekutif Perbadanan Nasional Berhad (PNB)
Kini menjadi setiausaha MIC bahagian Tanjung Karang.	1995 - 2003 Ketua pegawai eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad.
2007 Terpilih sebagai calon BN dalam pilihanraya kecil Ijok, Kuala Selangor.	2006 Menyertai Parti Keadilan Rakyat dan dilantik sebagai bendahari agung. Juga merupakan pengerusi PKR Selangor dan ketua bahagian PKR Kuala Selangor.

Azlan Zamhari / Malaysiakini

**Pilihanraya kecil Ijok
9 daerah mengundi**



Ijok: Pilihanraya 1995 - 2004

Tahun	BN		Pembangkang		Bebas		Majoriti
2004	K Sivalingam MIC		Abdul Rahman Moharam Keadilan		Mohd Sharif Nagoorkani Bebas		
	Undi	%	Undi	%	Undi	%	
	5,213	57.4	3,564	39.2	313	3.4	1,649
1999	K Sivalingam MIC		V Krishnan DAP		Mohd Yusof Abdul Rahim Bebas		
	Undi	%	Undi	%	Undi	%	
	6,567	58.6	3,401	30.3	1,245	11.1	3,166
1995	K Sivalingam MIC		P Sina DAP				
	Undi	%	Undi	%	Undi	%	
	8,486	83.4	1,689	16.6	-	-	6,797

Azlan Zamhari / Malaysiakini

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/66196>